



Bil : (46)KPFMB/PO(KA)/02
Tarikh : 12 Jun 2026

Anggota-anggota Lembaga,
Anggota-anggota Perwakilan Individu,
Anggota-anggota Perwakilan Koperasi Anggota

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-45 MENGIKUT KEPERLUAN UNDANG-UNDANG KECIL 30

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) akan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45 (MAPT Ke-45) pada ketetapan berikut:

Tarikh : 30 Jun 2026 (Selasa)
Masa : 10.30 pagi
Tempat : Dewan Perdana FELDA, Anjung FELDA,
Kuala Lumpur
Pautan lokasi : <https://mapt.kpf.my/lokasi>
<https://mapt.kpf.my/lokasiwaze>
Medium : Hibrid (Fizikal dan Dalam Talian Aplikasi Zoom)


2. MAPT Ke-45 ini akan disertai oleh 1,377 perwakilan dan akan membentangkan sebanyak 12 agenda seperti di **Lampiran A**.

3. Atur cara majlis akan berlangsung seperti berikut:

7.30 pagi : Pendaftaran Perwakilan
: Ketibaan tetamu jemputan
: Pengundian sistem e-undi
(melalui pautan <https://agmexpert.com/kpf>)
10.30 pagi : MAPT Ke-45 berlangsung
: Penangguhan MAPT Ke-45 dan bersurai

4. Sukacita YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan (Perwakilan) membuat pengesahan kehadiran sama ada secara fizikal atau dalam talian* sebelum atau pada **Jumaat, 19 Jun 2026** melalui pautan <https://umum.kpf.my/survey>.

5. Kertas Agenda MAPT Ke-45, Penyata Kewangan 2025, Manual Panduan Perwakilan Dan Borang Soalan berkaitan agenda mesyuarat disediakan secara digital (*Google Form*) yang boleh dimuat turun melalui pautan atau kod QR seperti berikut:



<https://mapt.kpf.my>

6. Sebarang pertanyaan berkaitan MAPT Ke-45 ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi urus setia melalui aplikasi Kumpulan *WhatsApp* Perwakilan atau e-mel ke kpfanggota@felda.net.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD



(AHMAD SYARANI AZULAN)

Setiausaha

s.k Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pengarah Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

***Nota: Kehadiran Secara Dalam Talian**

- (a) Penggunaan peranti yang sesuai seperti telefon pintar/tablet/komputer yang mempunyai capaian internet yang stabil serta mempunyai akaun aplikasi *Zoom*.
- (b) Sesi raptai secara dalam talian akan diadakan sebelum MAPT Ke-45 berlangsung.
- (c) Jadual raptai akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui aplikasi Kumpulan *WhatsApp* Perwakilan.

Lampiran A

AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-45

Agenda 1	Memilih Enam (6) Anggota Perwakilan Dan Empat (4) Anggota Lembaga Sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45.
Agenda 2	Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 Yang Diadakan Pada 26 Jun 2025.
Agenda 3	Membentang dan Meluluskan Laporan Lembaga Tahun 2025 Berserta Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman.
Agenda 4	Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025.
Agenda 5	Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025.
Agenda 6	Meluluskan Cadangan Bayaran Honorarium Lembaga Dan Yuran Tahunan Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025.
Agenda 7	Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Serta Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Bagi Sesi 2026/2027.
Agenda 8	Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Bajet 2026 Dan Bajet 2027.
Agenda 9	Memilih Tiga (3) Anggota Lembaga dan Mengesahkan Pelantikan Tiga (3) Anggota Lembaga Yang Dicalonkan Oleh Lembaga FELDA Bagi Sesi 2026/2027.
Agenda 10	Meluluskan Pelantikan Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2026.
Agenda 11	Membentang Dan Menimbangkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga.
Agenda 12	Membentang dan Menimbangkan Usul-Usul Perwakilan.